

NOVEL-NOVEL SALMI MANJA

SATU KAJIAN STRUKTUR

OLEH

LON AKMAR BINTI KAMARUDDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1981/82

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan hidayat dan limpah kurnia dari Allah maka dapatlah kajian ini diselesaikan.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan se tinggi-tinggi penghargaan dan rasa terhutang budi kepada Drs. M.S Hutagalong yang telah memberi pimpinan dan tunjuk-ajar dari permulaan kajian ini hinggalah selesai.

Di samping itu penulis juga ingin mengucapkan terima-kasih kepada tuan-tuan, puan-puan dan rakan-rakan yang telah memberi pertolongan, kerjasama dan galakan kepada penulis untuk membuat kajian ini. Sesungguhnya budi baik mereka yang berkenaan tidak berupaya penulis membalasnya melainkan kepada Allah jua diserahkan.

PENDAHULUAN

Pada dasarnya kajian ke atas novel-novel Salmi Manja adalah untuk melihat novel-novel ini sebagai satu hasil seni. Oleh kerana itu, adalah menjadi tujuan utama kajian ini untuk menganalisa secara struktural iaitu meneliti aspek-aspek tema, plot, perwatakan, latar, bahasa dan gaya dan sudut pandangannya dengan melihat hubungkait aspek-aspek tersebut antara satu sama lain dan antara satu dengan keseluruhannya. Di samping itu tujuan kajian ilmiah ini adalah untuk memperkenalkan Salmi Manja sebagai seorang penulis wanita yang telah dilupakan kerana pada masa ini Salmi tidak banyak menulis lagi.¹

Kajian ke atas novel-novel Salmi ini penting. Se sesungguhnya kajian ke atas novel-novelnya adalah merupakan percubaan mencungkil kembali dan mengketengahkan karya penulis wanita Salmi Manja yang menulis di sekitar tahun 1960 an. Usaha mengketengahkan novel-novel ini adalah menguntungkan kerana ianya tidak diabaikan dan seterusnya dibiarkan terus luput ditelan masa. Tambahan pula Salmi Manja di akhir-akhir ini telah kurang produktif dalam penciptaan novel. Salmi Manja telah kurang menulis pada masa ini mungkin disebabkan kewajipan mengurus rumahtangga, melayan suami dan anak-anak. Lantaran itu Salmi Manja makin dilupakan oleh peminat-peminat novel-novel Melayu.

Kajian ini amat penting untuk menganalisa secara kritis struktur novel-novel Salmi Manja yang diteliti dan dinilai dari aspek-aspek tema, plot, perwatakan, latar, bahasa dan gaya dan sudut pandangannya dengan melihat hubungkait aspek-aspek tersebut antara satu sama lain dan antara satu dengan keseluruhannya. Ini adalah kajian yang ditumpukan khusus kepada bahagian cerita sebenar iaitu suatu kajian terhadap aspek-aspek intrinsik cerita.

1

Ibrahim Sead, Kesusasteraan Melayu: Satu Pengenalan,
(Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, 1976), h. 170.

Kajian ini memberi banyak faedah. Antaranya ialah seseorang itu akan dapat mengetahui butir-butir perkembangan dalam perbagai aspek kebudayaan atau penghidupan, terutama sekali dalam bidang bahasa dan kesusasteraan sehingga mencapai tahap perkembangan dan kemajuan seperti yang terdapat kini.

Ia memperlihatkan unsur didaktik dan beberapa pengajaran moral serta hiburan. Inilah tujuan Salai menulis novel-novelnya. Ia mengakui hal ini dalam novelnya Hari Mana Bulan Mana bahawa satu-satunya pembela masyarakat ialah pengarang-pengarang novel. Moga-moga dapatlah novel ini dijadikan cermin hidup buat kita bersama hendaknya.² Memandang kepada kepentingan dan faedahnya maka kajian ke atas novel-novel Salai Manja akan dibuat.

Disiplin khusus bagi kajian ini ialah kesusasteraan. Novel-novel yang hendak dikaji ialah sastera moden. Kajian dari segi struktur meliputi tema, plot, perwatakan, latar, bahasa dan gaya dan sudut pandangan. Penganalisaan dari segi struktur dikhususkan kepada novel Hari Mana Bulan Mana, Dari Mana Punai Melayang, Sayang Ustazah Sayang, Bntah Mengapa Hati Ku Duka, Rindu Hilang Di Tapak Tangan, dan Hendak Hujan Hujan Sekali.

Dari sudut tema boleh dibahagikan kepada sosial, ekonomi, politik dan lain-lain. Dari segi sosial dapat ditinjau mengenai kehidupan manusia sehari-hari dengan masalah-masalah hidup seperti keruntuhan rumah-tangga, kecurangan samaada oleh suami, isteri dan teman lelaki, percintaan, kahwin paksa, pergaulan terlalu bebas, poligami, penindasan dan lain-lain lagi. Dari segi kepercayaan ditinjau tentang agama, keperluan didikan agama, konsep takdir, ketuhanan dan lain-lain.

2

Salai Manja, Hari Mana Bulan Mana, (Kuala Lumpur: Federal, 1978), h. vii.

Dari segi politik, novel-novel Salmi Manja memaparkan tema kepimpinan, perjuangan hak, pengorbanan dan penyelewengan.

Dari segi ekonomi, novel-novel Salmi Manja membawa tema kemiskinan, kekayaan, masalah tanah, pekerjaan dan lain-lain.

Plot bagi setengah-setengah novel Salmi Manja adalah plot konvensional. Ada beberapa novel Salmi Manja yang mempunyai jalinan peristiwa secara tidak kronoloji dan ada juga novelnya yang menggunakan teknik imbas kembali. Salmi Manja juga ghairah menggunakan pembahagian bab-bab.

Berikutnya disentuh pula mengenai perwatakan dalam novel-novel Salmi Manja. Kajian ini meninjau tentang cara ia menyampaikan cerita samaada secara langsung atau secara tidak langsung. Di samping itu ditinjau tentang watak utama, watak sampingan dan watak bulat atau watak leper.

Seterusnya, menyentuh tentang latar novel-novel Salmi Manja. Bahagian latar dalam novel-novelnya dibahagikan mengikut latar tempat, latar masa, latar kehidupan dan latar pemikiran.

Kemudian disentuh mengenai bahasa dan gaya dalam novel-novel Salmi Manja. Di sini dilihat samaada pengarang menggunakan Bahasa Melayu yang mudah, ringkas dan indah atau tidak. Di samping itu adakah terdapat penggunaan bahasa asing dalam novel-novelnya.

Berikutnya disentuh pula mengenai sudut pandangan novel-novel Salmi Manja. Adakah Salmi Manja menggunakan sudut pandang Orang Pertama Pencerita, Orang Ketiga Pencerita, atau sudut pandang Maha Tahu.

Bidang kajian seperti yang disebutkan di atas adalah merupakan kajian dalaman atau dari sudut intrinsik. Had kajian ini hanya tertumpu kepada novel-novel Salmi Manja yang dianalisa secara struktural. Kajian ini tidak akan menekankan tentang latar-belakang Salmi Manja. Kajian mengenai penulis adalah di luar dari kajian ilmiah ini.

Kaedah kajian novel-novel Salmi Manja ini adalah dari analisa struktural. Kajian dari segi struktural meliputi tema, plot, perwatakan, latar, bahasa dan gaya dan sudut pandangan dengan melihat

hubungkait aspek-aspek tersebut antara satu sama lain dan antara satu dengan keseluruhannya.

Berikutnya disentuh pula mengenai organisasi kajian ini. Organisasi kajian ini didahului dengan bahagian pendahuluan yang mengandungi beberapa penerangan seperti tujuan, kepentingan kajian, bidang dan had kajian, kaedah kajian dan organisasi kajian.

Bab 1 pula merupakan satu tinjauan terhadap perkembangan novel-novel Melayu Se. lepas Perang. Kemudian ditinjau pula kedudukan Salmi Manja dalam konteks perkembangan novel sezaman.

Kemudian di susuli dengan bab 2 iaitu pengertian struktur dalam konteks definasi novel.

Bab 3 merupakan analisa struktur yang membicarakan tentang tema, plot, perwatakan, latar, bahasa dan gaya, dan sudut pandangan pengarang.

Bab 4 adalah kesimpulan kajian mengenai novel-novel Salmi Manja. Di samping itu terdapat lampiran mengenai riwayat hidup pengarang. Akhir sekali diisikan dengan bibliografi yang digunakan dalam kajian ini.